



**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
IKLAN JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** dan **keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

Jawatan	:	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP29
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Keselamatan dan Pertahanan Awam
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Taraf Jawatan	:	Tetap/Kontrak
Bilangan Kekosongan	:	1
Jadual Gaji	:	Gred KP29
		Min. : RM1,493.00 Max. : RM 5,696.00
		Kadar Kenaikan Tahunan : RM 145.00
Elaun	:	
		Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM 160.00
		Imbuan Tetap Perumahan : RM 300.00
		Bantuan Sara Hidup : RM 200.00

SYARAT LANTIKAN :-

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
(ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00);
(iii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
(iv) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf

setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95); atau

(v) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,846.15)

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/SijilVokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **Syarat Peningkatan Secara Lantikan:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa KP19/KP22 atau Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, Gred AB22 atau Gred AB26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred

KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) atau 1(d); atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. **Deskripsi Tugas:**

Membantu memastikan pelaksanaan dalam penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Undang-Undang yang berkuatkuasa di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah bagi keselamatan dan kesejahteraan bandar.

5. **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya dari semasa kesemasa.

6. **CARA MEMOHON :**

- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/perjawatan/>
- ii. Semua salinan sijil, transkrip atau keputusan peperiksaan yang dimuat naik perlu **diakui sah** terlebih dahulu oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan Dan Profesional atau Penghulu/ Ketua Kampung.
- iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing berdasarkan Perintah Am Bab 'A' 21.

Tarikh tutup permohonan : **16 MAC 2021 (SELASA)**

CATATAN AM :-

- a) Hanya permohonan yang ditapis senarai sahaja akan dipanggil temuduga.
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
- c) Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh pihak Majlis Daerah Batu Gajah.